



Sekolahku



Puan Hajah Laila Ismail,
Guru Besar.



SEKOLAH KEBANGSAAN BATU MELINTANG
17600 JELI, KELANTAN
TEL / FAX : 09 - 9449907

SEKOLAH KEBANGSAAN BATU MELINTANG, KELANTAN



Sejarah sekolah

Sekolah Kebangsaan (SK) Batu Melintang merupakan sebuah sekolah rendah yang terletak di Batu Melintang, Jeli, Kelantan. Sekolah ini memberikan pendidikan asas kepada murid di kawasan luar bandar termasuklah murid pendidikan khas.

Sekolah ini membangun dan berkembang dengan sokongan kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menyediakan pendidikan kepada anak tempatan dengan memfokuskan mata pelajaran teras seperti Bahasa Melayu, Matematik, Sains dan lain-lain. Dengan gandingan tenaga 585 orang murid, 44 orang guru dan lapan orang anggota kumpulan pelaksana, warga SK Batu Melintang sentiasa berusaha menjadikan sekolah ini sebagai sekolah terbilang di Kelantan.



Majlis Penutupan Bulan Kemerdekaan 2024.



Pasukan drama Meranduk Ombak dan Tikar Mengkuang Nenek.

Lokasi yang Unik

Sekolah luar bandar ini terletak berhampiran dengan pelbagai tempat pelancongan yang menjadi sebutan ramai. Antaranya termasuklah Gunung Reng, gunung bersejarah yang dikaitkan dengan Puteri Saadong; dan Bukit Salor yang sesuai untuk didaki. Selain itu, tidak jauh dari sekolah juga terdapat destinasi rekreasi untuk bermandi-manda dan berkelah seperti Lata Kashmir, Lata Mawo, Lata Turbo dan Lata Janggut.



Program Jom Baca 10 minit anjuran KPM.

Maklumat Sekolah

Nama sekolah : Sekolah Kebangsaan Morak
Kod sekolah : DBA 6340
Alamat sekolah : Palekbang 16040 Tumpat,
Kelantan.
Gred sekolah : Gred A
Enrolmen murid : 601 orang
Alamat e-mel : dba6340@moe.edu.my

Jalinan dan Jaringan Sekolah

Sekolah ini sering mengadakan jalinan dan jaringan dengan pelbagai institusi, agensi dan sekolah lain dalam usaha untuk membangunkan kompetensi guru dan kemenjadian murid. Antaranya termasuklah dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Wilayah Timur, Universiti Malaysia Kelantan, Pejabat Penerangan Jeli, Perpustakaan Desa Kampung Batu Melintang, Komuniti Madani Batu Melintang, Sekolah Menengah Sains Jeli dan pusat jana kuasa elektrik daerah.

Pelbagai aktiviti dan program yang telah dilaksanakan seperti Program Majalah Dalam Kelas bersama-sama DBP Wilayah Timur dan Program Jom Baca bersama-sama Perpustakaan

Desa Kampung Batu Melintang.

Sekolah ini menjadi kebanggaan kerana banyak mengadakan program yang mendapat liputan oleh pihak media seperti akhbar *Utusan Malaysia*. Cikgu Ahmad Safarman Dollah yang merupakan antara warga pendidik sekolah ini pula merupakan seorang penulis seni kreatif yang aktif. Beliau banyak menghasilkan karya penulisan seperti sajak, cerpen dan artikel. Antaranya termasuklah novel *Tikar Mengkuang Nenek*, *Empangan Kuala Kenering* dan *Mengusung Rumah Lama* terbitan DBP.

Program Majalah Dalam Kelas anjuran DBP Wilayah Timur.



Cikgu Ahmad Safarman Dollah bersama-sama hasil karyanya.



Kebitaraan Sekolah

Kecemerlangan warga SK Batu Melintang terlihat terutamanya dalam bidang sukan, teater dan inovasi. Pemain bola tampar SK Batu Melintang berjaya mara hingga peringkat kebangsaan, iaitu pada Kejohanan Bola Tampar Majlis Sukan Sekolah (MSSM) 2024 dan mewakili negeri Kelantan bagi kategori bawah 12 tahun.

Selain itu, sekolah ini juga mengadakan pameran bersama dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Jeli yang menampilkan inovasi "Sweet Stick", iaitu pembuatan aiskrim pelbagai perisa. Manakala dalam bidang teater pula, SK Batu Melintang juga bergiat aktif dan sering menyertai pertandingan drama pentas pada pelbagai peringkat. Contohnya Pertandingan Teater Kanak-kanak anjuran Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan dan Pertandingan Teater Kanak-kanak Negeri Kelantan anjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan DBP.



Perarakan berbasikal warga SK Batu Melintang.



Pempengaruh pendidikan TikTok dalam kalangan guru SK Batu Melintang.